

Newspaper	Berita Harian
Date	10/7/2011

# Perhimpunan ganggu ketenteraman rakyat

Penganjur hanya mahu dapat publisiti meluas: Najib

Oleh Azrina Ahzan dan  
Hanneeyzah Bariah Baharin  
[bminggu@bharian.com.my](mailto:bminggu@bharian.com.my)

**K**UALA TERENGGANU: Datuk Seri Najib Razak berkata penganjur perhimpunan haram semalam sengaja menyusahkan dan mengganggu ketenteraman rakyat khususnya di Kuala Lumpur semata-mata untuk mendapatkan publisiti seluas-luasnya untuk mereka.

Perdana Menteri berkata, tindakan mereka itu jelas bermotifkan politik dengan menjadikan tuntutan reformasi pilihan raya sebagai alasan.


"Mereka nak beri gambaran Malaysia tidak ada kestabilan politik dan mengeksploitasi isu ini sebanyak mungkin, untuk tunjukkan bahawa pihak berkuasa dan polis guna kekerasan. Kerajaan tidak berbeza pendapat dengan mereka untuk mendapatkan pilihan raya bersih dan adil, kita sudah mengamalkan pilihan raya sedemikian rupa selama ini.

"Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) juga sanggup melakukan penambahbaikan perkara yang masih dipertikaikan termasuk pengundi hantu. SPR akan laksanakan sistem biometrik, perkara lain boleh dibincang dengan kerajaan dan SPR," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis penyampaian hadiah Program Tahunan Isteri Wakil Rakyat Barisan Nasional (BN) Se-Malaysia di Stadium Negeri, di sini semalam. Hadir sama Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said.

"Saya berdoa rakyat terus bersama-sama mengelak dan tidak memberi sokongan terhadap perkara seperti ini, sebaliknya cintakan keamanan dan kedamaian. Dalam sistem demokrasi berparlimen dan terbuka, kerajaan tetap memberi ruang kepada mereka yang tidak setuju dengan pendapat kerajaan.

"Ada cara untuk tunjukkan tidak



NAJIB dan Muhyiddin menggunakan telefon bimbit masing-masing untuk mengetahui perkembangan semasa di ibu negara ketika menghadiri majlis penyampaian hadiah Program Tahunan Isteri Wakil Rakyat Barisan Nasional Se-Malaysia di Stadium Negeri, Kuala Terengganu, semalam.

setuju, tetapi bukan dengan demonstrasi jalanan," katanya sambil menambah jumlah mereka yang terbabit dalam perhimpunan haram itu kecil berbanding yang diuar-uarkan sejak awal.

"Kita juga tahu, ada media tertentu, bukan media arus perdana... jika 5,000 jumlah yang terbabit (menyertai perhimpunan), mereka akan besarkan jadi 10,000... ini perkara biasa. Mereka juga akanebarkan cerita polis gunakan kekerasan... mereka nak timbulkan isu kononnya polis kejam dan zalim," katanya.

Najib bersyukur kerana sebahagian besar rakyat khususnya di Kuala Lumpur dan Lembah Klang tidak menyertai perhimpunan haram itu selain mengucapkan tahniah di atas kecekapan polis dan pasukan keselamatan mengawal keselamatan dan menghuraikan perhimpunan haram itu.

Ketika berucap merasmikan sambutan Hari Koperasi Negara 2011 di Putrajaya sebelum itu, Najib ber-

kata, kehadiran kira-kira 15,000 ahli koperasi dari seluruh negara pada majlis itu membuktikan hasrat pihak tertentu mengadakan perhimpunan haram di pelbagai lokasi di Kuala Lumpur dibantah sebahagian besar rakyat.

"Saya gembira dengan kehadiran begitu ramai... jelas ribuan yang hadir ini adalah mereka yang menentang perhimpunan haram. Jika ada yang hendak mengadakan perhimpunan haram, ramai lagi yang menentang cadangan mereka," katanya disambut tepukan gemuruh ahli koperasi yang hadir sejak awal pagi.

Najib turut melancarkan Festival Bunga dan Taman Putrajaya 2011 (Floria 2011) dan melawat tapak pesta di Pesisiran Tasik, Presint 2. Beliau diberi penerangan mengenai Floria 2011 oleh Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Samsudin Osman.